

29/03/1997

MSC boleh ketengah nilai Timur: PM

Mahfar Ali in Fukuoka

FUKUOKA, Jumaat - Malaysia mengajak Jepun bekerjasama membentuk masyarakat elektronik yang aktif menghasilkan produk untuk kegunaan teknologi multimedia yang sesuai dengan keperluan tempatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam hubungan ini, katanya, Koridor Raya Multimedia (MSC) yang baru diperkenalkan di Malaysia, memberi kesempatan yang terbaik bagi kedua-dua pihak untuk mengadakan kerjasama itu.

"Dalam menghadapi serangan hebat teknologi maklumat, kita harus mengambil pendekatan pro-aktif bagi menyaingi penguasaan Barat," katanya ketika berucap dalam Dialog Fukuoka, di sini, hari ini.

Dalam ucapannya bertajuk Abad Digital Peluang Kerjasama di antara Jepun dan Malaysia, Dr Mahathir, bagaimanapun, berkata beliau tidak bermaksud semua pengaruh Barat adalah tidak baik tetapi masyarakat Asia juga mesti menyebarkan falsafah ilmu dan nilai ketimuran dalam memasuki abad digital.

Sehubungan itu, Dr Mahathir sekali lagi mengundang ahli perniagaan serta pakar teknologi Jepun ke MSC dan bersama Malaysia membangunkan produk tempatan yang mampu menyaingi pasaran dunia.

Dalam dialog dengan peserta pula, Dr Mahathir menekankan pentingnya masyarakat dipersiapkan menghadapi abad digital supaya mereka mampu menilai maklumat yang baik dan buruk.

"Masyarakat perniagaan pula tidak seharusnya memikirkan soal mengaut keuntungan sahaja tetapi kemajuan pesat teknologi maklumat juga boleh digunakan untuk memupuk nilai-nilai murni," katanya menjawab soalan seorang peserta mengenai kesan MSC terhadap kehidupan seharian masyarakat di Malaysia.

Sambil merujuk peristiwa 39 pengikut ajaran sesat di Amerika Syarikat membunuh diri secara beramai-ramai di California, Dr Mahathir berkata:

"Peristiwa ini menakutkan dan bagaimana ini boleh berlaku? Kita tidak tahu tetapi kita memerlukan perlindungan supaya perkara ini tidak berlaku dalam masyarakat kita berikutan banyak unsur yang mengelirukan disiarkan dalam Internet."

Kira-kira 2,000 ahli perniagaan Jepun menghadiri dialog itu anjuran bersama Institut Kepimpinan dan Strategik Asia, Pusat Perniagaan Asia dan akhbar Nishinippon.

Beberapa menteri Malaysia turut membentangkan kertas kerja dalam dialog berkenaan.

Terdahulu, Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan rasmi lima hari ke Jepun turut mengunjungi Osaka bagi menyaksikan pameran teknologi multimedia.

(END)